

# Peluang Pelancongan: *Pitas*

**Destinasi Tersembunyi  
Menjanjikan Peluang  
Perniagaan Kepada  
Koperasi**

**Shamsiah Samsudin**

shams@mkm.edu.my


Maktab Koperasi Malaysia Zon Sabah





## Pengenalan

Pitas sebuah daerah di Sabah terletak di utara Pulau Borneo, 195 kilometer dari bandar raya Kota Kinabalu dengan keluasan 141,935 hektar manakala topografinya berbukit bukau dan tanah rata. Populasinya dianggarkan seramai 39,000 orang pada 2010 dengan komposisi etnik terdiri daripada suku kaum Sungai, Bajau, Suluk, Ubian, Rungus, Kimaragang, Tambanua dan Sonsogon. Pitas terdiri daripada enam mukim iaitu mukim Pantai, Mapan-mapan, Ketumpang, Pingan-Pingan, Telaga dan Dandun. Pada keseluruhannya, majoriti penduduk Pitas masih bergantung kepada sektor pertanian dan perikanan sebagai mata pencarian utama.



Peta Lokasi Daerah Pitas

## Potensi Tarikan Pelancongan

Ramai tidak menyedari akan kewujudan Pitas dan daya tarikan pelancongan yang mampu ditawarkan oleh daerah berkenaan. Daerah ini sememangnya menjanjikan keistimewaan dan keunikan tersendiri yang akan menyebabkan pelancong yang berkunjung akan datang semula melawat ke daerah ini.

Setiap tahun pada bulan Mei, Pitas menganjurkan Pesta Bengkoka yang merupakan acara rasmi tahunan daerah dan telah dimasukkan ke dalam kalender pelancongan negeri Sabah. Semasa Pesta Bengkoka berlangsung, Pitas akan menerima pengunjung dari dalam dan luar Sabah yang ingin menyaksikan sukan laut, sukan rakyat, pertandingan memancing, pertandingan perahu berhias, ekspo produk pertanian dan makanan serta pameran kraf tangan dan persembahan kebudayaan masyarakat Pitas. Walau bagaimanapun, kebanyakan pengunjung yang hadir ke pesta berkenaan akan menghadapi kesukaran mendapatkan penginapan yang kondusif dan selamat.



Suku Kaum Sungai



Suku Kaum Rungus



Suku Kaum Bajau Suluk, Pitas



Suku Kaum Tambunuuo, Pitas

Kebudayaan Masyarakat Setempat di Pitas

Selain tarikan Pesta Bengkoka, beberapa faktor lain telah dikenal pasti menyumbang kepada potensi daerah Pitas sebagai destinasi pilihan pelancong antaranya ialah:

- i. Keindahan alam semula jadi dan kepelbagaiannya *biodiversity*  
Daerah Pitas dianugerahi bentuk muka bumi yang dikelilingi oleh sungai dan

lautan yang membiru serta pesisir pantai yang cantik di mana terletaknya Simpang Mengayau atau "The Tip of Borneo". Di sini masih terdapat kawasan terumbu karang yang berwarna-warni yang menjadi kunjungan mereka yang suka menyelam dan bersnorkel. Berhampiran Pitas terdapat pulau yang masih mengelarkan



Keindahan Fauna dan Penetasan Telur Penyu

alam semula jadinya. Aktiviti berperahu atau *river cruise* sepanjang sungai Bengkoka membolehkan pelancong melihat hutan bakau, monyet belanda dan kelip-kelip.

#### ii. Keunikan kebudayaan dari pelbagai suku kaum

Penduduk Pitas terdiri daripada pelbagai etnik. Suku kaum Sungai, Bajau, Suluk, dan Ubian adalah kaum bumiputera Muslim yang mendiami kawasan pesisir pantai. Kaum Rungus, Kimaragang, Tambanua dan Sonsogon pula bumiputera bukan beragama Islam dan tinggal di kawasan pedalaman. Setiap suku kaum tersebut mempunyai tradisi dan kebudayaan tersendiri yang boleh dilihat melalui pakaian, makanan, upacara perkahwinan dan tarian. Masyarakat Rungus sangat terkenal dengan reka bentuk Rumah Panjang yang sehingga kini masih dikekalkan ciri-ciri tradisional pembinaannya. Masyarakat Tambanua pula sangat terkenal dengan tarian mereka.

#### iii. Tempat bersejarah

Satu-satunya tempat bersejarah yang boleh dilawati di Pitas ialah 'Coleman House' yang merupakan rumah yang dimiliki oleh Mr. Coleman, seorang pengurus estet getah semasa zaman penjajahan British di Borneo. Pada Perang Dunia ke II, rumah ini dijadikan markas tentera Jepun dan akhirnya ditawan oleh tentera Australia bersama-sama dengan pahlawan tempatan. Selepas itu, rumah tersebut didiami oleh Allahyarham Tun Datu



Bekas Rumah Mr. Coleman/ Allahyarham Tun Datuk Hj Mustapha  
(telah dibaikpulih oleh Jabatan Muzium Negara)

Mustapha Datu Harun. Kesan tembakan pada rumah tersebut masih boleh dilihat sehingga ke hari ini. Pada 2009, rumah tersebut diambil alih oleh Jabatan Muzium Sabah.

#### iv. Tempat legenda

Daerah Pitas juga terkenal dengan tempat legenda yang menjadi cerita mitos penduduk tempatan seperti Kampung Malubang. Kampung Malubang sangat terkenal dengan legenda atau cerita rakyatnya yang boleh dikaitkan dengan tempat-tempat yang akan dilawati. Perjalanan ke Kampung Malubang dari daerah Pitas mengambil masa

selama satu jam setengah melalui jalan raya yang separuh berturap.

- #### v. Kekayaan sumber makanan laut
- Pitas dianugerahkan laut dan pesisir pantai yang indah dan kaya dengan sumber makanan laut. Sangat terkenal dengan hasil laut seperti ikan, sotong, ketam dan udang, Pitas merupakan antara pengeluar utama hasil laut bagi negeri Sabah. Di sepanjang perjalanan ke pekan Pitas, pengunjung dapat melihat deretan bagang iaitu salah satu pelantar (platform) bagi tangkapan ikan bilis secara tradisional di laut. Keunikan



Rumah Tradisional Suku Kaum Rungus, Pitas

## Daerah ini sememangnya menjanjikan keistimewaan dan keunikan tersendiri yang akan menyebabkan pelancong yang berkunjung akan datang semula melawat ke daerah ini.

bagang mampu menjadi tarikan pelancongan bagi pengunjung yang ingin mencuba teknik tangkapan ikan masyarakat tempatan. Pitas juga berpotensi menjadi destinasi memancing ikan kerana Taman-taman Sabah membenarkan aktiviti tangkapan ikan dijalankan di sepanjang Teluk Marudu. Supirak juga terkeluar daripada kawasan yang diwartakan di bawah Taman Marine Tun Mustapha dan memberi kelebihan kepada pengunjung untuk menjalankan aktiviti laut di kawasan tersebut. Teluk Marudu merupakan lokasi memancing yang selamat kerana terletak di perairan yang tenang dan sangat sesuai untuk aktiviti memancing.

## Peluang dan Cabaran kepada Gerakan Koperasi

Pitas sememangnya menjanjikan keunikan tersendiri sebagai sebuah destinasi pilihan pelancong. Walau bagaimanapun, masih belum terdapat agen pelancongan yang wujud di daerah berkenaan atau agen luar yang menawarkan Pitas sebagai destinasi pelancongan secara komersial. Banyak tempat menarik masih belum dikomersialkan

kepada pelancong untuk membuka mata dan seterusnya mendorong pelancong berkunjung ke Pitas. Ini sebenarnya merupakan suatu peluang yang harus direbut oleh gerakan koperasi khususnya di Pitas bagi membangunkan kawasan pelancongan, dan seterusnya mengembangkan aktiviti berkaitan pelancongan seperti penginapan, pengangkutan, restoran dan sebagainya di Pitas.

Menurut Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), terdapat 16 buah koperasi di Pitas dan hanya sebuah koperasi yang menjalankan aktiviti berkaitan pelancongan iaitu Koperasi Pelancongan Pitas Sabah Berhad. Koperasi tersebut menguruskan Rumah Rehat Pejabat Daerah yang dimiliki oleh Pejabat Daerah Pitas dan juga mengambil komisen daripada pengusaha persendirian sekiranya mendapat pelanggan untuk menginap.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran yang dikenal pasti menjadi halangan dalam membangunkan industri pelancongan di daerah Pitas. Antaranya adalah:

### ❖ Cabaran dalaman

#### a) Sumber kewangan koperasi yang terhad

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia, sehingga Disember 2014, bilangan koperasi di daerah Pitas hanya berjumlah 16 buah koperasi dengan jumlah anggota 2,623 orang dan jumlah modal syer sebanyak RM84,322. Secara purata, sebuah koperasi hanya memiliki modal syer sebanyak RM4,685. Realitinya, jumlah modal syer tersebut

menunjukkan bahawa koperasi di daerah Pitas memiliki sumber kewangan yang terhad dan tidak mencukupi untuk terlibat di dalam industri pelancongan.

#### b) Sumber modal insan berpengetahuan dan berkemahiran dalam Industri pelancongan yang terhad.

Umum mengetahui bahawa daerah Pitas merupakan salah satu daerah yang terletak di luar bandar dan merupakan antara daerah termiskin di Malaysia. Jarak antara daerah Pitas dan Kota Kinabalu ialah 190 kilometer dan hanya boleh diakses melalui jalan darat. Majoriti penduduk merupakan petani dan nelayan. Menurut kajian lepas, jarak atau lokasi sesuatu tempat mampu menyumbang kepada berlakunya ketaksamaan agihan sumber yang mana kawasan bandar mendapat peruntukan pembangunan yang lebih besar berbanding dengan penduduk yang tinggal jauh di pedalaman (Yuji Tamura, 2003).

Walaupun pelbagai program latihan telah diperkenalkan oleh agensi kerajaan dan swasta dalam melahirkan tenaga kerja mahir dalam bidang pelancongan rata-rata anak-anak tempatan di daerah Pitas tidak mengambil peluang tersebut disebabkan faktor lokasi program atau kursus itu dijalankan. Jarak yang jauh antara Pitas dan Kota Kinabalu yang menjadi lokasi kebanyakan program atau kursus dalam industri



pelancongan menyebabkan penduduk luar bandar tidak menikmati pendidikan yang sama seperti penduduk bandar.

Menurut Maimunah Ismail (1999), kebanyakan penduduk luar bandar terlibat dalam pertanian bercorak sara diri menyebabkan mereka terus berada pada tahap miskin. Disebabkankekangan tersebut, mereka tidak terlibat secara aktif dalam program-program pembangunan, mempunyai tahap kemudahan asas yang kurang, pengetahuan berkenaan aspek pendidikan dan kesihatan yang rendah serta kurang menerima faedah-faedah dan sumber-sumber pembangunan yang terdapat di bandar (Maimunah 1999:18-19).

#### ❖ Cabaran Luaran

- Kedudukan Pitas yang terletak jauh dari Kota Kinabalu menyebabkan pelancong kurang berminat untuk memilih Pitas sebagai destinasi pilihan.

**Koperasi seharusnya menjadikan Pitas yang kaya dengan sumber semula jadi sebagai aset yang mampu menjana pendapatan kepada ekonomi anggotanya.**

Ini kerana, pelancong hanya boleh menggunakan jalan darat untuk ke daerah Pitas dan ini menyebabkan pelancong berdepan dengan masalah dari segi kekangan masa.

- Daerah Pitas masih menghadapi masalah kekurangan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya dan air bersih terawat. Hal ini menjadi kekangan untuk membangunkan program inap desa terutama di Kampung Melubang kerana kemudahan jalan raya belum terlalu sempurna dan bekalan air diperoleh dari air graviti. Kebanyakan penduduk kampung yang

menjadi anggota Koperasi Pelancongan Pitas Sabah Berhad (KOPITAS) adalah nelayan dan mereka hanya mampu untuk menawarkan rumah mereka di bawah program inap desa untuk didiami oleh pelancong. Selain itu, kekangan sumber air bersih terawat membantutkan usaha koperasi untuk meneruskan program berkenaan kepada anggota.

#### c) Aspek perundangan dalam menceburi industri pelancongan.

Apabila koperasi ingin terlibat dalam perniagaan pengendalian pelancongan dan perniagaan agensi pengembalaan, koperasi harus terlebih dahulu menujuhkan subsidiari bagi mendapatkan lesen menjalankan perniagaan tersebut. Lesen berkenaan hanya boleh dipohon oleh Syarikat Sendirian Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965. Hakikatnya, peruntukan perundangan

tersebut menjadi masalah kepada koperasi sekiranya ALK kurang arif tentang sistem pengurusan subsidiari. Selain itu, peruntukan perundungan tersebut juga akan melambatkan proses penglibatan koperasi dalam industri pelancongan kerana penubuhan subsidiari memerlukan persetujuan daripada anggota dan juga kebenaran bertulis daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

## Kesimpulan

Industri pelancongan berpotensi untuk dimajukan di Pitas kerana daerah tersebut mempunyai banyak tempat menarik yang mencerminkan visi daerah Pitas iaitu menjadi **"Bumi Bertuah di Daratan dan di Lautan"**.

Usaha perlu dilakukan oleh pihak koperasi untuk mengambil

**Industri pelancongan berpotensi untuk dimajukan di Pitas kerana daerah tersebut mempunyai banyak tempat menarik yang mencerminkan visi daerah Pitas iaitu menjadi "Bumi Bertuah di Daratan dan di Lautan".**

langkah awal dan menjadi pelopor kepada pembangunan pelancongan di Pitas. Menurut rekod, terdapat 16 buah koperasi yang berdaftar di daerah Pitas, oleh itu koperasi harus bersikap proaktif dengan mendapatkan kerjasama dari pelbagai pihak terutamanya pihak kerajaan negeri, persekutuan, badan bukan kerajaan

(NGO) dan masyarakat tempatan bagi mengenal pasti langkah pertama yang harus diambil bagi merealisasikan impian tersebut. Koperasi seharusnya menjadikan Pitas yang kaya dengan sumber semula jadi sebagai aset yang mampu menjana pendapatan kepada ekonomi anggotanya.

Dasar Koperasi Negara 2011-2020 sangat menyokong penglibatan koperasi dalam sektor pelancongan dan menjadikan industri pelancongan sebagai salah satu Bidang Keberhasilan Utama Koperasi. Koperasi digalakkan untuk menjalankan kerjasama antara koperasi yang menyediakan produk pelancongan dan koperasi yang terlibat dalam aktiviti hiliran dan huluan serta pengurusan pelancongan *travel and tours*. Selain itu, perkhidmatan sokongan seperti pemandu pelancong, penghasilan kraf tangan, pertunjukan kebudayaan dan penyediaan makan serta pengangkutan boleh ditawarkan kepada anggota dan secara tidak langsung mewujudkan peluang pekerjaan kepada anggota.

Sekiranya koperasi di negeri Sabah amnya, dan daerah Pitas khususnya berani keluar dari zon selesa dan mencuba sesuatu perniagaan yang baharu, tentunya usaha berkenaan akan dapat meningkatkan taraf ekonomi anggota koperasi dan membawa koperasi ke suatu tahap yang lebih tinggi kerana industri pelancongan sememangnya menjanjikan pulangan yang lumayan kepada pihak yang terlibat.



Cadangan pembinaan Esplanade di Dataran Bengkoka



Perahu Berhias

Expo Pertanian/ Perdagangan



### Kapal Nakhoda Supirak

Kapal nakhoda Supirak merupakan sebuah pulau batu yang menyerupai sebuah kapal dan dikatakan terdapat objek seperti manusia, tali dan meja di pulau tersebut yang telah bertukar menjadi batu. Kapal ini kisahnya merupakan milik Nakhoda Supirak yang telah disumpah oleh ibunya menjadi batu.



### Batu Gerawang

Batu Gerawang ialah rumah atau pondok kepada Odu Gerawang. Odu Gerawang merupakan ibu kepada Nakhoda Supirak.



### Batu Gerbang

Batu Gerbang menyerupai pintu gerbang yang dikatakan merupakan pintu masuk ke rumah Odu Gerawang.



### Batu Orang Berunsai

Batu orang berunsai merupakan batu yang menyerupai sekumpulan manusia yang sedang 'berunsai'. Berunsai merupakan sejenis tarian bagi masyarakat suku kaum Sungai.



### Batu Talam

Merupakan batu-batu yang terbentuk akibat hakisan dan perubahan alam yang juga menyimpan misteri dan cerita tersendiri di kalangan masyarakat tempatan.



### Telaga MISTERI

Merupakan telaga air tawar yang wujud di kawasan air masin.

Pulau-pulau di Sekitar Perairan Pitas

